



Ekspo Buku Islam menyajikan pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung.

Pementasan teater tarik pengunjung

» *Ekspo Buku Islam 13 Putrajaya jadi landasan bagi pameran berskala besar tahun depan*

Oleh: Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Jelajah Ekspo Buku Islam 13 Putrajaya yang sedang berlangsung di Dewan Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Putrajaya sehingga Ahad ini, menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada pembaca kanak-kanak sehingga dewasa.

Lebih menarik, suntikan pembaharuan turut dibuat pada pameran buku ini apabila buat julung kalinya ia turut menampilkan pementasan teater adaptasi daripada novel Islamik.

Medan pertemuan terbaik

Masih mengekalkan tema 'Syukuri Persamaan, Raikan Perbezaan, Kukuhkan Persaudaraan,' eks-
po buku itu menjadi medan pertemuan terbaik pembaca buku agama untuk berkumpul bersama seisi keluarga kerana ia disertai lebih 60 penerbit buku agama tersohor dengan 100 gerai pameran untuk dikunjungi.

Pengarah Urusan Sinergi Ilmu, Mohd Jaini Mohd, (gambar) berkata Putrajaya antara lokasi paling kerap dipilih dalam jelajah Ekspo Buku Islam khususnya empat tahun kebelakangan ini kerana sambutan hangat oleh masyarakat

yang mencintai buku.

Aktiviti kanak-kanak

"Kami memilih Putrajaya kerana ia lokasi yang amat strategik, sekali gus mendorong kami untuk menambah tarikan sedia ada dengan memperbanyakkan aktiviti kanak-kanak melalui Pertandingan Mewarna Bersama Tadika Ustaz Don, Pertandingan Bercerita Sekolah Tadika dan penampilan maskot animasi *Chichi dan Chacha*.

"Projek terbesar kami selepas ini adalah untuk membawa Ekspo Buku Islam ke skala lebih besar seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang sememangnya diidamkan penerbit buku Islam untuk mempamerkan buku di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) apabila dirancang untuk direalisasikan pada awal tahun depan," katanya kepada *Sastera BH* di Balai Berita, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Antara penerbit yang mengambil bahagian dalam Ekspo Buku Islam Ke-13 Putrajaya anjuran Sinergi Ilmu dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Masjid Tuanku Mizan itu ialah Kumpulan Media Karangkrif, Galeri Ilmu Media Group, Must Read Sdn Bhd dan PTS Media Group.

Sementara itu, peminat novel Islam terutamanya karya Fatimah Syarha Nordin berpeluang menyaksikan pementasan adaptasi novelnya, iaitu *Cinta High Class* pada Sabtu ini dalam dua sesi, iaitu jam 3 petang dan 8.30 malam.

Teater *Cinta High Class* menampilkan selebriti popular, Heliza Helmi sebagai teraju utama dan tiket boleh dibeli secara dalam talian di laman web Ekspo Buku Islam dengan tawaran istimewa, RM50, sekali gus menerima baucar buku bernilai RM20.

Forum, bedah buku

Selain itu, antara program menarik hari ini termasuk forum bertajuk 'Sayang Anak Tangan-tangan' anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), jam 2 hingga 5 petang, manakala pada hari Sabtu, jam 3 petang pula program Bedah Buku bertajuk *Ibu Bijak, Anak Bahagia* oleh Gemilang Muslim House.

Pada hari terakhir, khalayak yang berminat mendalami ilmu bacaan al-Quran boleh menyertai Seminar Seni Suara & Hafazan al-Quran, jam 9 pagi dengan yuran penyertaan serendah RM100.

Acara Bedah Buku turut berlangsung pada jam 4 petang hari terakhir, iaitu naskhah bertajuk *Syoknya Nikah Muda* dan pada jam 5 petang pula naskhah *Muawiyah bin Abu Sufyan* oleh penulisnya, Shahrul Azmi dikupas.

Tiada bayaran masuk dikenakan kepada pengunjung Ekspo Buku Islam 13 Putrajaya, manakala maklumat lanjut layari laman sesawang rasmi di www.ekspobukuislam.com.

